

SEMINAR PERUBAHAN EKONOMI NEGERI SABAH



Bersempena dengan lawatan pelajar-pelajar dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam ke Kampus Universiti Malaysia Sabah, satu seminar telah diadakan selain sessi dialog bersama antara pelajar kedua-dua institusi terlibat. Antara intipati yang dibincangkan dalam seminar tersebut adalah isu kebanjiran pendatang asing di Sabah selain kesan dan implikasinya ke atas masalah sosial yang ada di Sabah. Dua kertas kerja yang mengkaji permasalahan tersebut telah disampaikan oleh pakar ekonomi Dr. James Alin dan Prof. Madya Dr. Hj. Kassim Hj. Md. Mansur. Pelbagai persoalan yang mencakupi isu-isu berkaitan cuba dirungkai melalui sesi seminar dan dialog tersebut yang nyata mendapat sambutan yang menggalakkan di kalangan para peserta.